

TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH**

SEMPENA

**MAJLIS PELANCARAN PUSAT TRANSFORMASI
LUAR BANDAR / *RURAL TRANSFORMATION*
CENTER (RTC) SARAWAK, BETONG**

**RTC SARAWAK – BANGUNAN PASAR TAMU,
MID-LAYAR, BETONG, SARAWAK**

17 APRIL 2016 (AHAD)

WAKTU KETIBAAN : 1.25 PETANG

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Salam Sejahtera

Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak
Perdana Menteri Malaysia

Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Haji Adenan bin Haji Satem
Ketua Menteri Sarawak

Yang Berhormat Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek
Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

Yang Berhormat Dato' Seri Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah
Menteri Kewangan II

Yang Berhormat Dato' Seri Idris bin Jusoh
Menteri Pendidikan Tinggi

Yang Berhormat Datuk Seri Dr. S.Subramaniam
Menteri Kesihatan Malaysia

Yang Berhormat Menteri-Menteri Sarawak
Yang Berhormat Timbalan-Timbalan Menteri
Yang Berhormat Menteri-Menteri Muda Sarawak

Yang Berhormat Exco-Exco Pembangunan Luar Bandar

Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Ali Hamsa

Ketua Setiausaha Negara

Yang Berhormat Tan Sri Datuk Amar Mohamad Morshidi Ghani

Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak

Yang Berbahagia Dato' Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah

Ketua Setiausaha Perbendaharaan

Kementerian Kewangan Malaysia

Yang Berbahagia Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman

Ketua Setiausaha

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian

Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri

Pemimpin-Pemimpin Masyarakat

Tuan-Tuan dan Puan-Puan hadirin yang saya hormati sekalian,

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T, kerana dengan izin dan limpah kurniaNya jua, kita dapat bersama-sama pada hari ini, di Majlis Pelancaran Pusat Transformasi Luar Bandar / *Rural Transformation Center* (RTC) Sarawak, Betong. Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Perdana Menteri, YAB Datuk Patinggi Mohd Najib Tun Abdul Razak kerana dapat hadir bagi menyempurnakan Majlis Pelancaran RTC Sarawak pada hari ini. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Ketua Menteri Sarawak, YAB Tan Sri (Dr) Haji Adenan bin Haji Satem dan Kerajaan Negeri Sarawak di atas penganjuran Majlis ini.

2. Terima kasih juga kepada rakyat negeri Sarawak yang turut serta memeriahkan Majlis ini dan sesungguhnya kehadiran tuan-tuan dan puan-puan di majlis pada pagi ini menggambarkan kesungguhan dan keazaman kita semua untuk bersama-sama menjayakan Program Transformasi Luar Bandar (RTP). Alhamdulillah, dengan pembukaan RTC Sarawak, Betong pada hari ini secara rasminya akan memberi banyak manfaat kepada komuniti luar bandar di negeri Sarawak khususnya di Kawasan Mid Layer, Betong termasuk dan sekitarnya.

Hadirin dan hadirat sekalian,

3. RTC ini merupakan salah satu Program Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dan merupakan salah satu program utama Kementerian di bawah Program Transformasi Luar Bandar (RTP). Matlamat RTP adalah untuk mentransformasikan kawasan luar bandar supaya mampu menarik pelaburan swasta, menyediakan peluang pekerjaan dan kegiatan ekonomi serta menggalakkan generasi muda terus tinggal di kawasan luar bandar.

4. Perancangan KKLW adalah untuk mewujudkan RTC di setiap negeri di Semenanjung Malaysia dan 2 buah RTC di Sabah dan 2 RTC di Sarawak. Sehingga bulan Februari 2016, 9 RTC telah berjaya di wujudkan iaitu RTC Perak, RTC Kelantan, RTC Pahang, RTC Johor, RTC Kedah, RTC Terengganu dan 2 RTC di Sarawak iaitu di Miri dan Betong dan RTC Melaka. 2 RTC lagi iaitu di Negeri Sembilan dan Pulau Pinang sedang dalam pembinaan dan dijangka akan beroperasi sepenuhnya menjelang pertengahan tahun 2016. Pada tahun ini juga, KKLW juga sedang mengenal pasti lokasi baru yang berpotensi di Sabah dan Selangor untuk dijadikan RTC dan bagi Negeri Perlis ianya dicadang dibangunkan bergabung (hybrid) dengan UTC.

Hadirin dan hadirat sekalian,

5. Fokus utama RTC ialah mengerakkan aktiviti ekonomi yang membolehkan penduduk luar bandar mendapat peningkatan pendapatan atau peluang pekerjaan, membantu mengurangkan kos sara hidup dan memberi kemudahan perkhidmatan Kerajaan kepada rakyat. Selaras dengan konsep NBOS, lapan inisiatif RTC iaitu Latihan Kemahiran, Kios

Informasi 1 Malaysia, Pertanian Bernilai Tinggi, Pemprosesan Produk Agro Makanan, Pengurusan Rantaian Bekalan Hasil Pertanian, Kerjasama Universiti, Perkhidmatan Kesihatan 1 Malaysia dan Kemudahan Pembiayaan Kewangan diterajui bersama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Kewangan.

6. Dari segi pencapaian keseluruhan RTC, jumlah keseluruhan nilai jualan terkumpul bagi tahun 2015 adalah sebanyak RM454 juta dengan pencapaian tertinggi di RTC Kelantan berjumlah RM243 juta. Seramai 4,432 usahawan telah terlibat secara langsung dengan pelbagai aktiviti ekonomi di RTC dan kawasan sekitar. Jumlah kehadiran pengunjung ke RTC juga telah mencecah 9.7 juta orang pada tahun 2015. Di samping itu, sebanyak 445 kursus/latihan jangka pendek dan seminar telah dilaksanakan di RTC oleh pelbagai agensi Kerajaan/swasta yang telah memberi manfaat kepada 22,914 peserta manakala program kesukarelawanan pula mendapat penyertaan lebih 13,132 peserta.

Hadirin dan hadirat sekalian,

7. Pada petang ini kita bersyukur kerana satu lagi RTC ditubuhkan untuk negeri Sarawak iaitu di Mid Layar, Betong. Dengan kedudukan yang strategik bersebelahan dengan Lebuh raya Pan Borneo, RTC ini dijangka dapat berperanan memberi sokongan logistik bagi menjana pertumbuhan ekonomi luar bandar khususnya di negeri ini dengan menjadi pusat pembekalan produk pertanian dan produk usahawan luar bandar serta aktiviti ekonomi yang lain. RTC ini juga diharap akan menjadi tumpuan pengguna-pengguna lebuh raya dan masyarakat tempatan untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan yang diperlukan.

8. Di kesempatan ini, saya sekali lagi ingin merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri dan tuan-tuan dan puan-puan yang hadir ke Majlis Pelancaran RTC Sarawak pada hari ini. Saya berharap kerjasama yang erat di antara semua Kementerian/Agensi Kerajaan yang terlibat dan penduduk luar bandar melalui projek RTC ini

akan terus memacu pembangunan luar bandar di bawah Program “Membandarkan Luar Bandar” di mana luar bandar akan menjadi sektor yang penting ke arah menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang maju mengikut acuannya sendiri menjelang tahun 2020. Semoga usaha murni kita ini diberkati Allah S.W.T.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah.

Wassalamualaikum wbt.